



UNTUK SIARAN SEGERA

PELAN TINDAKAN STRATEGIK PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) JOHOR DILANCARKAN

Johor Bahru, 30 Mei 2015 – Pelan Tindakan Strategik Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Johor telah dilancarkan oleh YB Datuk Seri Hj. Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor pada Majlis Pelancaran Minggu PKS 2015 yang telah dianjurkan di Padang A, Plaza Angsana pada hari ini. Majlis ini juga disempurnakan oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Pelan Tindakan Strategik PKS Negeri Johor merupakan satu pendekatan baharu dalam usaha Kerajaan Negeri dalam melonjakkan pembangunan PKS Negeri Johor ke peringkat yang lebih tinggi bagi tempoh 2015-2020. Pelan Tindakan ini akan memenuhi keperluan perniagaan PKS dan akan dilaksanakan dengan kesepakatan dari kerjasama ahli MajlisPembangunan Usahawan Negeri Johor (MPUNJ).

Di dalam Pelan Tindakan ini, satu sistem pemantauan, penaksiran impak dan penilaian program serta aktiviti akan dilaksanakan untuk memastikan semua program berjalan lancar mengikut kehendak tujuan asal seterusnya dapat memberikan penghasilan dan pencapaian yang disasarkan. Pelan Tindakan Strategik PKS Negeri Johor ini adalah konsisten dan diselaraskan dengan semua Pelan, Hala Tuju (Roadmap) atau Blueprint yang ada di Kerajaan Pusat dan Negeri Johor. Program Gerak Usahawan Negeri Johor juga telah dilancarkan pada masa yang sama, dengan tema Entrepreneur Development Centre of Johor (EDC) 'Keusahawanan Kerjaya Pilihan'.

Minggu PKS adalah satu program tahunan yang merupakan inisiatif di bawah Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (NSDC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Minggu PKS yang berlangsung di seluruh negara, dianjurkan selama seminggu pada bulan Jun setiap tahun, bermula pada tahun 2012. Selaku Agensi Penyelaras Pusat PKS, SME Corp. Malaysia adalah Urusetia dan juga Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Minggu PKS.

Acara ini juga bertujuan untuk mempromosikan serta meningkatkan kesedaran secara besar-besaran tentang produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PKS. Program ini juga bertindak sebagai platform di mana usahawan dan bakal usahawan boleh mendapatkan maklumat serta khidmat nasihat mengenai pembiayaan untuk

memulakan dan memajukan perniagaan mereka. Selain itu, Minggu PKS juga mengiktiraf peranan dan sumbangan PKS kepada ekonomi Negara serta memupuk budaya keusahawanan.

Pada tahun ini, Minggu PKS 2015 akan berlangsung pada 30 Mei 2015 - 5 Jun 2015 dan melibatkan kerjasama semua Kementerian dan Agensi yang terlibat dalam pembangunan PKS. Program ini juga melibatkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri, Kementerian, Agensi & GLC, pihak swasta, media, sekolah & universiti, pasaraya besar & kompleks beli belah, Persatuan & Dewan Perniagaan serta Institusi Kewangan.

Sebanyak 118 aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan di seluruh negara termasuklah pameran dan karnival jualan, kaunter maklumat, Perkongsian Pengalaman, Jualan produk PKS, Pasar Tani Mega, pepadanan perniagaan, seminar penjenamaan, Bengkel, Forum Keusahawanan, *Pocket Talk*, *Business Pitching*, klinik usahawan dan kaunter maklumat di lokasi carnival, Kiddo Bazaar, pertandingan memasak menggunakan produk PKS.

Minggu PKS peringkat Johor merupakan salah satu daripada sebelas siri penganjuran Minggu PKS 2015. Acara ini turut akan diadakan di Melaka (29 Mei–31 Mei), Perak (5 Jun–7 Jun), Kelantan (26 Mei–3 Jun), Terengganu (4 Jun–6 Jun), Pahang (30 Mei–7 Jun), Kedah (5 Jun–7 Jun), Negeri Sembilan (5 Jun–7 Jun), Perlis (6 Jun–7 Jun), Pulau Pinang (30 Mei–8 Jun), Sabah (28 Mei– 0 Jun) dan Sarawak (18 April–24 Mei).

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Cik Marianne Edwina Santa Maria di talian 03-2775 6208 atau emel - marianne@smecorp.gov.my, Pn. Sarahana Mohamad di 03-2775 6225 or email – sarahana@smecorp.gov.my

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,

50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>

e-mail: info@smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.